



10 Julai 2012
10 July 2012
P.U. (A) 209

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 4) 2012

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 4) 2012**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 Februari 2010.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan daripada cukai apa-apa perolehan atau keuntungan yang termasuk di bawah perenggan 4(f) Akta yang diterima oleh bukan pemastautin daripada suatu entiti Labuan.

(2) Bagi maksud perenggan ini “entiti Labuan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*].

Ketidakpakaian

3. Peruntukan seksyen 109F Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

Pembatalan

4. Perintah Cukai Pendapatan (No. 4) 2009 [*P.U. (A) 389/2009*] yang disiarkan pada 5 November 2009 dibatalkan.